



**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
(WABAK RABIES)**

---

**LAPORAN HARIAN  
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK 2017  
10 OGOS 2017**

Pada hari ini, JPVS telah mengadakan Program Pemvaksinan Di Daerah Lundu dan Bahagian Serian. Setakat jam 3 petang, sebanyak **551 ekor anjing** telah divaksin iaitu **126 ekor anjing di Bahagian Serian** dan **425 ekor anjing di Daerah Lundu**. Jumlah haiwan kesayangan yang telah divaksin hingga hari adalah sebanyak **29,784 ekor** yang terdiri daripada **22,142 ekor anjing, 7,597 ekor kucing** dan **45 ekor haiwan lain**.

Kempen kesedaran mengenai wabak penyakit Rabies yang telah diadakan di kampung-kampung dan sekolah masih kekal sebanyak 160 setakat ini yang dihadiri oleh 31,615 orang peserta.

Program Pemvaksinan Anjing bagi mengawal penularan wabak Rabies akan ditangguh pada hari Jumaat, 11 Ogos 2017 bagi memberi laluan kepada Program Pemvaksinan anti-rabies kepada petugas wabak Rabies. Sebanyak 33,171 surveyan aktif dan 678 surveyan pasif telah dilakukan oleh JPVS di kawasan yang dijangkiti di Bahagian Serian, Kuching dan Sri Aman. Sejumlah 169 sampel yang terdiri daripada 151 sampel anjing, 17 sampel kucing dan 1 sampel kelawar yang diperolehi dari Bahagian Kuching, Sri Aman, Serian, Samarahan, Betong, Sarikei, Sibu dan Miri telah dihantar ke VRI, Ipoh untuk ujian virus Rabies. Setakat ini, sebanyak 154 keputusan telah diterima dengan 39 adalah positif virus Rabies melalui ujian Direct Fluorescent Antibody Test (FAT).

JPVS juga ingin mengingatkan kepada semua pihak untuk mengelak haiwan kesayangan samada yang telah atau belum divaksin dari bercampur dengan haiwan terbiar dan memerhati perubahan sikap dari jinak ke ganas, menggigit sebarang benda yang bergerak, takut air dan cahaya, menyendiri, air liur berlebihan, gelisah dan agresif. Sila hubungi Bilik Operasi Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak di talian 082443991 / 446991 / 447960 untuk sebarang laporan mengenai Wabak Rabies.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan bahawa sebanyak **101 kes gigitan baru dilaporkan pada hari ini**; iaitu **45 kes daripada Bahagian Serian, 34 kes daripada Bahagian Kuching** dan **22 kes daripada Bahagian Samarahan**. Daripada jumlah tersebut, 85 kes melibatkan haiwan peliharaan iaitu anjing 42 kes, kucing 42 kes, dan arnab satu kes. Manakala 16 kes melibatkan haiwan liar iaitu anjing 10 kes, kucing 4 kes, tupai satu kes dan tikus satu kes. Ini menjadikan bilangan kes kumulatif gigitan haiwan yang berlaku mulai 01 April 2017 hingga ke hari ini, adalah berjumlah 1,970 kes. Secara kumulatifnya, seramai 873 orang telah menerima suntikan vaksin anti-Rabies.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memohon orang ramai yang mempunyai sejarah gigitan anjing dalam tempoh 01 April 2017 hingga kini, untuk segera membuat pemeriksaan di mana-mana fasiliti kesihatan yang terdekat. Dalam masa yang sama, orang ramai turut diingatkan untuk sentiasa menghindari diri dari gigitan haiwan terutamanya anjing, dan sekiranya digigit, perlulah mengambil langkah pencegahan segera dengan mencuci luka bahagian terkena gigitan menggunakan sabun dan air bersih yang mengalir selama 15 minit dan segera mendapatkan rawatan lanjut di klinik atau hospital berdekatan.

Untuk makluman semua, maklumat dan aktiviti operasi pemvaksinan wabak Rabies juga boleh didapati di dalam portal Jawatankuasa pengurusan Bencana Negeri Sarawak seperti berikut:

[www.infodisaster.sarawak.gov.my](http://www.infodisaster.sarawak.gov.my)

Disediakan oleh:

**Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Sarawak**  
**Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak**  
**10 Ogos 2017**